

**ASAS PERTIMBANGAN KELULUSAN LESEN PENGURUSAN ATAU PENGENDALIAN KEMUDAHAN  
PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG DITETAPKAN .**

**Tapak Pelupusan (Disposal Site)**

\* **ASAS PERTIMBANGAN YANG DINYATAKAN HANYA MERUPAKAN KRITERIA UMUM KELULUSAN LESEN YANG MERUPAKAN RUJUKAN KEPADA PERMOHONAN SEBELUM MEMOHON LESEN.**

1. Ketepatan makluman yang dinyatakan di dalam borang permohonan (sekiranya terdapat maklumat yang dinyatakan didapati PALSU maka permohonan akan ditolak secara automatik).
2. Bebas daripada mana-mana kesalahan undang-undang berkaitan sisa pepejal, undang-undang berkaitan rasuah dan kesalahan lain yang boleh dihukum penjara (terhadapnya sahaja atau tambahan atau gantian terhadap denda) bagi tempoh lebih 2 tahun.
3. Keupayaan kewangan iaitu penyata kewangan yang telah di audit dan/atau kemudahan kredit berjumlah tidak kurang RM150,000.00.
4. Bagi jenis perniagaan pemilikan tunggal, jumlah baki simpanan individu (contohnya Tabung Haji, Simpanan Tetap dan lain-lain) atau saham-saham amanah milik individu boleh diambilkira dalam penilaian keupayaan kewangan.
5. Mempunyai bilangan pekerja yang mencukupi (wajib mempunyai seorang pekerja bidang awam atau alam sekitar).
6. Mempunyai pengalaman kerja di dalam bidang berkaitan tapak pelupusan.
7. Mempunyai kenderaan/jentera yang mencukupi (contohnya lori pemampat, *bulldozer*, *excavator*, lori tangki air, lori terbuka, *wheel loader*, *backhoe* dan lain-lain).
8. Mempunyai depoh dan pelan perkhidmatan kerja.
9. Mengemukakan maklumat mengenai lesen/ permit lain yang berkaitan.